

Samy enggan ulas cadangan barisan Kabinet letak jawatan

UM - 3 FEB 2003

KUALA LUMPUR 2 Feb. — Presiden MIC berkata, Datuk Seri S. Samy Vellu enggan mengulas cadangan supaya barisan Kabinet yang ada sekarang meletak jawatan apabila Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berundur pada Oktober ini.

“Saya tidak ada komen mengenai cadangan itu dan juga tidak mempunyai sebarang pandangan mengenai perkara itu.

“Saya tidak mahu menangkap ikan yang sudah mati di dalam kolam,” katanya yang juga Menteri Kerja Raya ketika dihubungi di sini hari ini.

Bagaimanapun, satu laporan *Bernama* menyebut beliau sebagai berkata, cadangan tersebut merupakan pendapat peribadi Menteri Perusahaan Utama dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

“Itu pandangan dia tetapi saya ti-

dak berpendapat begitu,” katanya yang dipetik oleh *Bernama* di Sungai Siput hari ini.

Tetapi dua pemimpin MIC membantah cadangan Keng Yaik.

Ahli Majlis Tertinggi parti itu, S.P. Manivasagam berkata, MIC tidak boleh menerima cadangan Keng Yaik kerana pelepasan jawatan oleh Dr. Mahathir tidak melibatkan pemimpin parti komponen BN melainkan ada pilihan raya umum.

“Pada masa pilihan raya umum pun Kabinet lama akan berada dalam kuasa sehingga ia selesai dan selepas itu barulah kabinet baru akan dilantik.

“Kami di MIC tidak boleh menyokong sama sekali cadangan tersebut kerana ia boleh menjejaskan urusan pentadbiran negara,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Menurut Manivasagam, isu pengunduran semua anggota Kabinet tidak seharusnya timbul kerana ia hanya boleh ditentukan oleh Perdana Menteri melalui pilihannya sendiri.

“Selepas Dr. Mahathir berundur, Abdullah selaku Perdana Menteri baru boleh membuat rombakan kabinet atau tidak,” katanya.

Bendahari MIC bahagian Wangsa Maju, Datuk P.L. Subramaniam pula berkata, kenyataan Keng Yaik tidak diterima sama sekali kerana pengunduran pada bulan Oktober ini hanya melibatkan Perdana Menteri sahaja.

“Pengunduran tidak melibatkan pemimpin parti komponen BN yang lain kerana mereka tidak pernah menyatakan hasrat mengundurkan diri,” katanya.